

Usul (58): Riwayat-riwayat yang menyatakan larangan bersetubuh dengan kaifiat tertentu dan larangan bersetubuh pada masa-masa tertentu berserta akibat buruk daripadanya, boleh dikatakan maudhu' (palsu) semuanya.

Contoh Pertama:

إِذَا جَامَعَ أَحَدُكُمْ زَوْجَتَهُ أَوْ جَارِيَتَهُ فَلَا يَنْظُرُ إِلَى فَرْجِهَا، فَإِنَّ ذَلِكَ يُورِثُ الْعَمَى

Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu bersetubuh dengan isterinya atau hamba sahayanya, maka janganlah ia melihat farajnya, kerana perbuatan itu mewarisi (menyebabkan) kebutaan (anak).

Rujukan:

Ibnu `Adi – al-Kāmil j.2 m/s 507, Ibnu Hibbaan – al-Majrūhīn j.1 m/s 202, Ibnu abi haatim – al-`Ilal j.2 m/s 295, Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū`āt j.2 m/s 271, hafiz Ibnu hajar – at-Talkhīsh al-Ĥabīr j.3 m/s 149, az-Zaila`i – Nashbu ar-Rāyah j.4 m/s 248, al-Baihaqi – as-Sunan al-Kubra j.7 m/s 94-95, Ibnu `Asākir – Tārikh Dimasyq j.46 m/s 303, as-Suyuthi – al-Fathū al-Kabīr j.1 m/s 93, asy-Syaukāni – al-Fawā`idu al-Majmū`ah m/s 127-128, al-Albāni -Silsilatu al-Aḥādīts ad-Dha`īfah j.1 m/s 197.

Komentar:

(1) Hadits di atas telah dikemukakan oleh Ibnu `Adi secara marfū` dengan sanad seperti berikut:

(ابن عدي) حدثنا ابن قتيبة حدثنا هشام بن خالد حدثنا بقية عن ابن جريج عن عطاء عن ابن عباس قال قال رسول الله ...

Setelah mengemukakannya Ibnu `Adi berkata, “Dengan sanad ini beliau (perawi) telah mengemukakan tiga lagi hadits mungkar kepada kami. Semacam ada di antara Baqiyyah dan Ibnu Juraij seseorang yang majhūl atau dha`if, kerana Baqiyyah seringkali memasukkan di antara dirinya dan Ibnu Juraij perawi-perawi dha`if atau majhul. Cuma Hisyam bin Khalid di tempat lain ada berkata, “daripada Baqiyyah (katanya) Ibnu Juraij menceritakan (meriwayatkan) kepada kami”.

(2) Dengan sanad yang sama juga Ibnu Abi Haatim, Ibnu Hibbaan dan al-Baihaqi meriwayatkannya. Kata Ibnu Hibbaan, “Beberapa hadits telah kami catat dengan sanad ini dalam satu nuskah, semuanya maudhu`. Baqiyyah semacam telah mendengarnya daripada seseorang (perawi) yang dha`if daripada Ibnu Juraij. Lalu dia membuang nama perawi dha`if itu di antaranya dan Ibnu Juraij sehingga menjadi seperti dia sendiri yang menerima secara langsung daripada Ibnu Juraij (dengan melakukan tadlis taswiah).” Salah satunya ialah hadits Ibnu `Abbaas yang dikemukakan sebagai contoh pertama di atas.

Ibnu Hibbaan juga berkata, “Baqiyyah seringkali meriwayatkan daripada perawi-perawi pendusta tanpa menyebut nama-nama mereka (melakukan tadlis). Dia bahkan

mempunyai beberapa orang rakan yang menggugurkan nama perawi-perawi dha'if daripada haditsnya." (Lihat al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 128).

(3) Setelah mengemukakannya bersama dua hadits yang lain Abu Haatim berkata, "Tiga hadits ini maudhu', tiada langsung asasnya (لا أصل لها), Baqiyyah selalu melakukan tadlis. Orang ramai menganggap, untuk setiap hadits dia katakan حدثنا, sehingga mereka tidak memeriksa haditsnya dengan cermat."

(4) Daripada nukilan di atas dapatlah diketahui bahawa Baqiyyah memang telah melakukan tadlis dalam meriwayatkan hadits itu daripada Ibnu Juraij. Ada perawi dha'if sekurang-kurangnya yang digugurkan di antaranya dan Ibnu Juraij. Ada kemungkinan juga dia telah membuang sama nama seseorang perawi di atas daripada Ibnu Juraij, memandangkan riwayat itu dikemukakan oleh Ibnu Juraij juga secara 'an'anah. Baqiyyah hampir-hampir tidak akan membuang kecuali nama perawi yang memang bermasalah. (lihat Mīzān al-I'tidāl j.1 m/s 333, Nashbu ar-Rāyah j.4 m/s 248, dan lain-lain).

(5) Dengan adanya kenyataan-kenyataan daripada tokoh-tokoh hadits mutaqaddimīn seperti abu haatim, Ibnu Hibbaan, Ibnu adi dan lain-lain terhadap hadits itu dan sanadnya, tiada lagi nilainya kata-kata Ibnu as-Shalāh bahawa hadits itu elok sanadnya (جيد الإسناد). Apalagi Ibnu as-Shalāh telah melanggar satu ketetapan yang telah dibuatnya sendiri bahawa, zaman mentashhīhkan hadits sudah pun habis. Tiada siapa lagi boleh menghukum sesuatu hadits sahih sekarang ini! (Lihat Muqaddimah Ibnu as-Shalāh m/s 18).

Kalau begitu mengapa pula beliau berkata, hadits ini elok sanadnya, setelah dua tiga orang tokoh besar Rijāl hadits mengatakan ia maudhu'?!

Menurut al-Albānī, Ibnu as-Shalāh sebenarnya telah terpedaya dengan sesetengah saluran sanad yang menyebutkan lafaz tahdīts (حدثنا) di atas nama Baqiyyah. Seolah-olah segala-segalanya selesai dengan adanya lafaz itu. Padahal dalam sekian banyak saluran yang lain memang riwayat itu dikemukakan oleh Baqiyyah secara 'an'anah. Apa yang berlaku ialah perawi di bawah Baqiyyah tersilap menyebutkan lafaz tahdīts itu."

Inilah 'illat dalam sanad hadits itu yang telah disebutkan oleh Abu Haatim di dalam Kitab al-'Ilalnya seperti telah penulis nukilkan di atas pada komentar nombor (3).

(6) Hadits di atas bukan sahaja dihukum maudhu' oleh mereka bertiga itu, ia kemudiannya dihukum maudhu' juga oleh Ibnu al-Jauzi, Ibnu Daqīq al-'Id, asy-Syaukāni, al-Albāni dan lain-lain lagi.

(7) Apa ertinya membenarkan persetubuhan, kemudian melarang pula daripada perkara-perkara yang menyempurnakannya? Apa ertinya membenarkan makan sesuatu yang halal, kemudian melarang pula daripada melihatnya, terutama ketika memakannya? Larangan melihat faraj isteri terutamanya ketika melakukan persetubuhan sama seperti larangan melihat makanan yang halal kepada orang yang celik! Kenapa orang celik dikehendaki menjadi seperti orang buta pula?!

Itulah sebabnya jumhur 'ulama' membenarkan (mengharuskan) suami melihat kemaluan isteri dan isteri melihat kemaluan suami, terutamanya ketika melakukan persetubuhan. Orang-orang yang melarang pula paling tinggi pun menganggapnya makruh sahaja. Jumhur 'ulama' bagaimanapun tetap mempertikaikan hukum makruh itu, dari mana datangnya hukum itu kalau semua hadits-haditsnya tidak boleh dijadikan sandaran hukum?

(8) Antara hadits yang dijadikan alasan oleh jumhur 'ulama' tentang keharusan suami isteri melihat aurat satu sama lain ialah hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibbaan di dalam Sahihnya. Lihat hadits berkenaan di bawah ini:

5577 - أَخْبَرَنَا الْحَسَنُ بْنُ سَفْيَانَ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ إِسْرَاهِيمَ، قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ شُعَيْبٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي عُثْبَةُ بْنُ أَبِي حَكِيمٍ أَنَّهُ سَأَلَ سُلَيْمَانَ بْنَ مُوسَى عَنِ الرَّجُلِ يَنْظُرُ إِلَى فَرْجِ امْرَأَتِهِ، فَقَالَ: سَأَلْتُ عَنْهَا عَظَاءَ، فَقَالَ: سَأَلْتُ عَنْهَا عَائِشَةَ، فَقَالَتْ: «كُنْتُ اغْتَسِلُ أَنَا وَجَبِّي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْإِنَاءِ الْوَاحِدِ، تَخْتَلِفُ فِيهِ أَكْفُنَا» وَأَشَارَتْ إِلَى الْبَيْتِ قَدْرَ سِتِّهِ أَقْسَاطٍ.

Bermaksud: Pernah 'Utbah bin Abi Ḥakīm bertanya Sulaiman bin Musa tentang (hukum) seseorang melihat faraj isterinya. Maka kata Sulaiman, aku pernah bertanya 'Athā' tentangnya, kata 'Athā', aku pernah bertanya 'Aaishah tentangnya, maka beliau ('Aaishah) berkata: "Aku sendiri selalu mandi bersama kekasihku (Nabi) s.a.w. (dengan) menggunakan air dari bekas yang sama. Tangan kami silih berganti masuk ke dalam bekas itu." Sambil beliau ('Aaishah) menunjukkan ke arah satu bekas yang muat

kira-kira enam qisith (tiga gantang air) di dalam rumahnya. (Sahih Ibnu Hibbaan j.12 m/s 390).

Hafizh Ibnu Hajar di dalam Fathul Bāri menulis, “Ad-Dāūdi berdalil dengan hadits ini tentang keharusan suami melihat aurat isterinya dan begitu juga sebaliknya. Ia (hadits ini) merupakan nas (dalil yang terang dan putus) dalam masalah ini.” (Fathul Bāri j.1 m/s 364).

Hadits di bawah ini juga menjadi dalil dan pegangan mereka:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ وَأَبُو أُسَامَةَ، قَالَا: حَدَّثَنَا بَهْرُ بْنُ حَكِيمٍ، عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَوْرَاتُنَا، مَا نَأْتِي مِنْهَا وَمَا نَذُرُ؟ قَالَ: "أَحْفَظْ عَوْرَتَكَ إِلَّا مِنْ زَوْجَتِكَ أَوْ مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ" قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ الْقَوْمُ بَعْضُهُمْ فِي بَعْضٍ؟ قَالَ: "إِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ لَا تُرِيَهَا أَحَدًا، فَلَا تُرِيْنَهَا" قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَإِنْ كَانَ أَحَدُنَا خَالِيًا؟ قَالَ: "فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيَا مِنْهُ مِنَ النَّاسِ".

Bermaksud: Bahz bin Ḥakīm meriwayatkan daripada ayahnya (Ḥakīm) daripada datuknya (Mu'āwiah bin Ḥaidah al-Qusyairi), kata beliau: Aku bertanya Rasulullah s.a.w.: “Aurat kita, daripada siapakah kita perlu menjaganya (menutupnya) dan daripada siapakah pula kita tidak perlu menjaganya?” Jawab Nabi s.a.w.: “Jagalah auratmu kecuali terhadap isterimu atau hamba sahaya yang dimilikimu.” Kata perawi (Mu'āwiah bin Ḥaidah), aku bertanya lagi: “Bagaimana kalau orang-orang dalam keadaan bersesak-sesak?” Jawab Baginda: “Jika engkau mampu tidak menampakkannya kepada orang, maka janganlah sekali-kali engkau menampakkannya (mendedahkannya).” Aku terus bertanya: “Kalau kita bersendirian, bagaimana?” Jawab Baginda: “Allah lebih patut dimalui berbanding manusia.” (Hadits riwayat Ibnu Majah, Abu Daud, Tirmidzi, Nasā’i, Ahmad, al-Ḥākim dan lain-lain).

Maksud “Allah lebih patut dimalui...” ialah jagalah auratmu kerana taat kepada Allah dan kerana mengharapkan apa yang disukai dan diredhaiNya. Ia sama sekali tidak bermaksud jagalah auratmu daripada dilihat oleh Allah, kerana itu adalah suatu yang tidak mungkin dilakukan.

Contoh Kedua:

إِذَا جَمَعَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَنْظُرُ إِلَى الْفَرَجِ فَإِنَّهُ يَوْرُثُ الْعَمَى وَلَا يَكْثُرُ الْكَلَامُ فَإِنَّهُ يَوْرُثُ الْخَرَسَ

Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu bersetubuh, maka janganlah ia melihat faraj kerana ia mewarisi (menyebabkan) kebutaan dan jangan banyak bercakap, kerana ia mewarisi (menyebabkan) kebisuan.

Rujukan:

Abu Ya'la al-Khalili – Fawā'id Abi Ya'la al-Khalili m/s 40, Ibnu al-Jauzi- al-Maudhu'at j.2 m/s 272, as-Suyuthi – al-La'aali'u al-Mashnu'ah j.2 m/s 170, adz-Dzahabi – Talkhīsh Kitāb al-Maudhū'āt m/s 133, Ibnu 'Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah j.2 m/s 207, al-Albāni – Silsilatu ad-Dha'ifah j. m/s .

Komentar:

(1) Hadits contoh kedua itu dikemukakan oleh al-Khalili di dalam Fawā'idnya dengan sanad berikut:

حَدَّثَنِي أَبُو بَكْرِ أَحْمَدُ بْنُ سَهْلٍ بْنُ السَّرِيِّ بْنُ سَهْلٍ الْفَقِيهَ الْهَمْدَانِيُّ بِقَرَوَيْنِ، ثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحُسَيْنِ بْنِ أَحْيَدٍ الْبَلْخِيُّ الْفَقِيهَ، قَالَ: أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ سَهْلٍ بْنُ أَبِي سَعِيدٍ الْقَطَّانُ الشَّوْخِيُّ، بِدَمْثَقَ، ثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَيْدٍ، ثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ يُونُسَ الْفَرْيَابِيِّ، ثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْقُسَيْرِيُّ، ثَنَا مِسْعَرٌ، ثَنَا سَعِيدُ الْمَقْبُرِيُّ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ...

Setelah mengemukakannya beliau menulis, “Tiada sesiapa pun meriwayatkannya daripada Mis'ar selain Muhammad ini. Dia banyak membawa hadits-hadits mungkar daripada Mis'ar dan lain-lain.

(2) Ibnu al-Jauzi juga mengemukakan hadits itu dengan sanad yang sama juga di bahagian atasnya melalui saluran riwayat al-Azdi. Lihat sanad Ibnu al-Jauzi selengkapnya di bawah ini:

أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ نَاصِرٍ أَنْبَأَنَا الْمُبَارَكُ بْنُ عَبْدِ الْجَبَّارِ أَنْبَأَنَا أَبُو نَصْرِ عَبْدِ الْبَاقِي بْنِ أَحْمَدَ الْوَاعِظَ أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرِ بْنِ عَلَانَ أَنْبَأَنَا أَبُو الْفَتْحِ الْأَزْدِيُّ أَنْبَأَنَا زَكْرِيَّا بْنُ يَحْيَى الْمَقْدِسِيُّ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْفَرْيَابِيِّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْقُسَيْرِيُّ عَنْ مِسْعَرِ بْنِ كَدَامَ عَنْ سَعِيدِ الْمَقْبُرِيِّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ...

Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi menulis, “Kata al-Azdi, Ibrahim bin Muhammad bin Yusuf al-Faryābi (perawi) sāqith (Perawi yang tidak boleh diterima riwayatnya kerana ia tertuduh berdusta).”

(3) Adz-Dzahabi pula di dalam Talkhīsh Kitab al-Maudhū'āt setelah mengemukakannya berkata, "Muhammad bin 'Abdir Rahman al-Qusyairi pendusta besar."

(4) Hadits ini lebih kurang sama juga kandungannya dengan hadits contoh pertama, cuma ada tambahan "dan jangan banyak bercakap, kerana ia mewarisi (menyebabkan) kebisuan" di belakangnya.

(5) Walaupun as-Suyuthi mengkritik Ibnu al-Jauzi kerana berpegang dengan kata-kata al-Azdi tentang Ibrahim bin Muhammad bin Yusuf al-Faryābi, dan beliau (as-Suyuthi) berkata, Ibrahim itu perawi Sunan Ibnu Majah, kemudian beliau menukikan apa yang ditulis oleh adz-Dzahabi di dalam Mīzān al-I'tidāl bahawa "Abu Haatim dan lain-lain mengatakan ia shadūq, hanya al-Azdi sahaja mengatakan ia sāqith, dan tidak perlulah dihiraukan apa kata al-Azdi tentangnya, kerana lidahnya dalam mentajrihkan perawi-perawi memang berat (teruk)".

Namun as-Suyuthi terlepas pandang agaknya terhadap apa yang ditulis oleh adz-Dzahabi tentang perawi di atas Ibrahim bin Muhammad bin Yusuf al-Faryābi, iaitu Muhammad bin 'Abdir Rahman al-Qusyairi. Bukankah adz-Dzahabi di dalam Talkhīsh Kitab al-Maudhū'āt telah berkata tentangnya, "Muhammad bin 'Abdir Rahman al-Qusyairi pendusta besar"?

As-Suyuthi cuba meringankan sedikit hukum terhadap hadits itu, baginya tidak wajar Ibnu al-Jauzi menghukumnya sebagai maudhu' dengan semata-mata bergantung kepada kata-kata al-Azdi tadi.

Memanglah tidak wajar kalau begitu, tetapi kalau perawi di atasnya juga bermasalah, dan masalahnya pula bukan sekadar dha'if biasa bahkan menurut Abu Haatim, Muhammad bin 'Abdir Rahman al-Qusyairi itu berdusta dan mengada-ngadakan hadits. Bagaimana hadits orang seperti ini tidak akan dihukum maudhu' oleh Ibnu al-Jauzi?

Tentu sekali Ibnu al-Jauzi telah mengetahui semua itu, cuma sebagaimana biasa beliau tidak menyebut semua perawi bermasalah dalam setiap sanad. Beliau hanya berpada dengan menyebut salah seorang daripada mereka sahaja.

(6) Apa ertinya semua larangan yang tersebut di dalam hadits contoh kedua di atas? Siapa yang akan menjadi buta atau bisu? Buta mata kepalakah atau buta hati? Pelakunya sahajakah yang akan buta atau kedua-dua pasangan yang terlibat? Atau anak hasil persetubuhan suami isteri yang melakukan apa yang terlarang itu? Siapa sebenarnya yang akan menjadi buta dan bisu?

(7) Bagaimana agaknya kalau ia tersebar sebagai hadits Nabi s.a.w. di kalangan orang-orang Islam atau bukan Islam, sedangkan mereka selalu melakukan apa yang terlarang itu, tiba-tiba tiada siapa pun daripada mereka menjadi buta dan bisu, tiada seorang pun daripada anak-anak mereka menjadi buta dan bisu? Bukankah dalam keadaan itu Rasulullah s.a.w. akan dianggap sebagai pembohong??

(8) Bagaimana pula dengan umat Islam yang mempercayai dan mematuhiinya, bukankah mereka akan menjadi satu umat yang terbelenggu dalam khurafat dan tahyul? Padahal Islam datang untuk melepaskan dan memerdekakan mereka daripada dua penyakit besar yang membuatkan sesuatu umat menjadi mundur dan kolot.

(9) Apa ertinya larangan daripada bercakap banyak ketika bersetubuh, apakah itu bererti bercakap sedikit dibolehkan? Berapa patah perkataankah yang dimaksudkan dengan sedikit atau banyak itu? Dan siapa pula agaknya bercakap banyak ketika bersetubuh seperti dia bercakap dalam keadaan biasa? Suatu larangan yang sia-sia sebenarnya! Tidak masuk akal seorang nabi akan bercakap sia-sia seperti ini!!

Contoh ketiga:

يا أيها الناس إن الله عز وجل أمرني أن أعلمكم ما علمني وأؤتبعكم لا يكثرن أحكمكم الكلام عند المجامعة فإنه يكون منه خرس الولد ولا ينظرون أحكمكم إلى فرج امرأته إذا هو يجامعها فإنه يكون منه العمى ولا يقبلن أحكمكم امرأته إذا هو يجامعها فإنه يكون الصمم صمم الولد ولا يدين أحكمكم النظر في الماء فإنه منه يكون ذهاب العقل

Bermaksud: Wahai manusia! Sesungguhnya Allah 'azza wa jalla menyuruh aku mengajarkan ilmu dan adab kepadamu menurut apa yang telah diajarNya kepadaku. Jangan sekali-kali seseorang daripada kamu banyak bercakap ketika melakukan persetubuhan, kerana ia menyebabkan anak yang lahir dari persetubuhan itu menjadi bisu. Janganlah sekali-kali seseorang daripada kamu memandang (kepada) faraj isterinya ketika bersetubuh dengannya, kerana ia membuatkan anak menjadi buta. Janganlah sekali-kali seseorang daripada kamu mencium isterinya ketika bersetubuh

dengannya, kerana ia menyebabkan anak menjadi tuli. Janganlah sekali-kali seseorang daripada kamu memandang air lama, kerana ia boleh menghilangkan akalunya.

Rujukan:

Ad-Dailami – al-Firdaus Bi Ma'tsūri al-Khithāb j.5 m/s 276, Ibnu 'Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah j.2 m/s 216, Muhammad Thāhir bin 'Ali al-Fattani al-Hindi – Tadzkiratu al-Maudhū'āt m/s 126,

Komentar:

(1) Demikianlah contoh ketiga itu dikemukakan oleh Ad-Dailami di dalam al-Firdaus Bi Ma'tsūri al-Khithāb daripada riwayat 'Athiyyah bin Bisyr tanpa sanad.

(2) Ibnu 'Arraaq al-Kinaani dan Muhammad Thāhir bin 'Ali al-Fattani al-Hindi juga ada mengemukakannya di dalam kitab mereka masing-masing, tetapi dengan sedikit tambahan di akhirnya, iaitu: **ولا يكلم أحدكم الأجدم من غير ملته إلا وبينه وبينه قيد رمح** Bermaksud: dan janganlah seseorang daripada kamu bercakap dengan pesakit kusta yang tidak seagama dengannya melainkan dalam jarak sepanjang satu lembing.

Setelah mengemukakannya mereka berdua menulis, “Di dalam sanadnya ada ‘Abdullah bin Udzainah, seorang perawi hadits-hadits maudhu’.”

Seolah-olahnya mereka mengetahui sanadnya, walaupun tidak mengemukakannya secara lengkap. Mungkin kerana menganggap ia tidak diperlukan untuk membuat keputusan tentang kepalsuannya yang sangat nyata itu.

(3) Hadits contoh ketiga itu tidak ditemui di dalam kitab-kitab utama hadits, tafsir dan lain-lain. Ia hanya ditemui di dalam kitab terpencil seperti al-Firdaus Bi Ma'tsūri al-Khithāb susunan ad-Dailami itu. Kitab ad-Dailami ini memang mengandungi banyak sekali hadits-hadits maudhu'. Ia juga hanya terdapat di dalam kitab-kitab yang ditulis tentang hadits maudhu', tetapi bukan di dalam semua kitab hadits-hadits maudhu' juga ia tersebut.

(4) Siapa ‘Abdullah bin Udzainah? Dia ialah ‘Abdullah bin ‘Uthārid bin Udzainah at-Thā'i al-Bashri. Seorang perawi matrūk. Dia selalu dikaitkan dengan datuknya (dibinkan kepada datuknya). Ibnu Hibbaan berkata, “‘Abdullah bin Udzainah seorang

perawi yang sangat mungkar ḥadītsnya. Dia meriwayatkan hadits daripada Tsaur apa yang bukan merupakan haditsnya. Tidak harus berhujah dengan haditsnya sama sekali.”

Ibnu ‘Adi berkata, “mungkarul ḥadīts”. Daaraquthni berkata, “matrūkul ḥadīts”. Al-Ḥākim dan an-Naqqāsy pula berkata, “Dia meriwayatkan hadits-hadits maudhu’.” (Lihat al-Majrūhīn j.1 m/s 511, al-Kāmil j.4 m/s 214, al-Mughni j.1 m/s 524, ad-Dhu‘afā’ Wa al-Matrūkīn j.2 m/s 115, dan Lisān al-Mīzān j.3 m/s 721).

(5) Larangan yang terkandung di dalam hadits contoh pertama dan kedua juga terdapat di dalam hadits contoh ketiga ini. Apa yang berbeza ialah ia mengandungi beberapa larangan yang lain lagi selain dua larangan yang tersebut di dalam dua hadits sebelum ini bersama akibatnya.

Antaranya ialah larangan daripada mencium isteri, kerana ia akan mengakibatkan anak menjadi tuli dan larangan daripada memandang air lama-lama, kerana ia boleh menghilangkan akal.

(6) Kepalsuan hadits ini jelas sekali. Ia tidak mungkin disabdakan oleh seorang nabi. Apakah ibu bapa manusia yang tidak tuli di dunia ini semuanya tidak bercium-ciuman ketika mereka bersetubuh?

Bagaimana Nabi s.a.w. akan melarang umatnya mencium isteri sedangkan Baginda sendiri melakukannya terhadap isteri-isterinya?

(7) Hadits-hadits di atas dihukum maudhu’ oleh para ‘ulama’ kita (Ahlu as-Sunnah Wa al-Jamā’ah). Ia dikemukakan oleh penulis-penulis kitab-kitab hadits maudhu’ untuk menjelaskan tentang kepalsuannya semata-mata. Berbeza keadaannya dengan Syi’ah, di dalam kitab-kitab hadits mereka yang paling utama seperti al-Kāfi pun terdapat apa yang terkandung di dalam hadits-hadits palsu yang telah penulis kemukakan sebagai contoh dalam perbincangan di atas.

Lihat sebagai contohnya hadits Syi’ah di bawah ini. Ia dikemukakan oleh al-Kulaini di dalam Kitabnya al-Kāfi di bawah tajuk باب كراهة الكلام عند الجماع (Bab Larangan Bercakap Ketika Bersetubuh):

قال النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَلَى عَلَيْهِ السَّلَام: يَا عَلِيَّ! كَرِهَ اللهُ لَأُمَّتِي الْعِبْثَ فِي الصَّلَاةِ، وَالْمَنَ فِي الصَّدَقَةِ، وَإِتْيَانَ الْمَسَاجِدِ جَنْبًا، وَالضَّحْكَ بَيْنَ الْقُبُورِ، وَالتَّطَلُّعَ فِي الدَّوْرِ، وَالنَّظَرَ إِلَى فُرُوجِ النِّسَاءِ لِأَنَّهُ يُوْرِثُ الْعَمَى، وَالْكَلَامَ عِنْدَ الْجَمَاعِ، لِأَنَّهُ يُوْرِثُ الْخَرَسَ.

Bermaksud: Nabi s.a.w. berkata kepada `Ali, "Wahai `Ali! Allah tidak suka umatku bermain-main dalam shalat, mengungkit-ngungkit setelah bersedekah, pergi ke masjid dalam keadaan berjumub, ketawa di kubur-kubur, menengok-nengok ke dalam rumah-rumah (orang), melihat kemahuan isteri, kerana ia mempusakai (menyebabkan) kebutaan, dan bercakap ketika bersetubuh, kerana ia mempusakai (menyebabkan) kebisuan.